



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (17)
Tarikh : 22 April 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MMC 26473)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 15/2021 (11 April hingga 17 April 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,

(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 15/2021 dari 11 April hingga 17 April 2021)

Pada minggu ke-15, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 16 kes (3.6%), menjadikan jumlah kes 456 berbanding 440 kes pada minggu sebelumnya. Satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-15. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 8,313 kes berbanding 36,529 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 77.2% (28,216 kes) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 5 kematian berbanding 60 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 55 kematian (91.7%) **(Lampiran A & C)**. Lokaliti hotspot meningkat sebanyak dua (2) lokaliti menjadikan jumlah lima (5) lokaliti pada minggu ke-15 berbanding tiga (3) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Kesemua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Surveilan Chikungunya merekodkan sebanyak 21 kes pada minggu ke-15 yang mana 10 kes dari Perak, lima (5) kes dari Selangor, tiga (3) kes dari Pulau Pinang, dua (2) kes dari Melaka dan satu (1) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 409 **(Lampiran E)**. Bagi surveilan Zika, sebanyak 418 sampel darah dan 13 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Tabiat memelihara dan melestarikan kebersihan persekitaran perlu dijadikan kebiasaan dan budaya dalam masyarakat kita. Barang-barang lusuh yang dibuang di lorong belakang rumah (*back lane*) seperti bekas-bekas plastik, tong cat serta perabot lama perlu dilupuskan secara berhemah agar tidak menjadi tempat pembiakan Aedes. Struktur bangunan yang menakung air seperti rekahan di lantai atau longkang yang bertakung perlu dibubuh bahan pembunuh jentik-jentik. Setiap lapisan masyarakat perlu pastikan kawasan tempat tinggal mahupun tempat awam seperti rumah ibadah, pusat perdagangan dan taman rekreasi selamat dari ancaman bahaya Denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

26 April 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 14 dan ke- 15 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 15 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-15 tahun 2021

Lampiran C

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 15/2021
(11 April hingga 17 April 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 15/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 15/2020	
		Minggu 15 (11 April – 17 April 2021)		Minggu 14 (4 April – 10 April 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	0	0	3	0	18	0
2	Kedah	9	0	15	0	111	0	330	0
3	P. Pinang	10	0	10	0	154	0	312	1
4	Perak	8	0	14	0	189	0	1,143	1
5	Selangor	275	1	238	0	4,651	1	22,180	23
6	WP KL & Putrajaya	47	0	53	0	914	1	2,894	4
7	N. Sembilan	10	0	12	0	220	1	768	2
8	Melaka	15	0	18	0	297	0	676	4
9	Johor	41	0	28	0	793	1	2,956	10
10	Pahang	15	0	11	0	195	1	913	2
11	Terengganu	0	0	1	0	17	0	103	0
12	Kelantan	2	0	1	0	86	0	1,386	2
13	Sarawak	7	0	12	0	142	0	862	2
14	Sabah	17	0	27	0	539	0	1,984	9
15	WP Labuan	0	0	0	0	2	0	4	0
	MALAYSIA	456	1	440	0	8,313	5	36,529	60

Lampiran D**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 15/2021
(11 April hingga 17 April 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U5 (Nusa Subang : Jln U5/102-U5/112)	21	65
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Impian Murni 2&3 Saujana Impian	16	55
3	SELANGOR	Petaling	E1. Sek 4 (Teres B : Jln 4/4 - 4/7)	6	36
4	SELANGOR	Kuala Selangor	Desa Coalfield (2/1-2/9)	27	34
5	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Sri Putra	5	33

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 15/2021 (17 April 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Kluang	1	32
		Muar	1	
		Tangkak	30	
2.	Kedah	Baling	1	68
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	42	
		Kulim	20	
		Langkawi	1	
		Sik	3	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	9
		Kuala Krai	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	3	
4.	Melaka	Alor Gajah	1	15
		Melaka Tengah	14	
5.	Perak	Kinta	3	115
		Kuala Kangsar	16	
		Larut Matang & Selama	15	
		Manjung	81	
6.	Pulau Pinang	Barat Daya	8	19
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	2	
7.	Selangor	Gombak	3	70
		Hulu Langat	16	
		Klang	50	
		Petaling	1	
8.	WP Kuala Lumpur	Kepong	67	81
		Lembah Pantai	3	
		Titivangsa	11	
JUMLAH KUMULATIF			409	

